

# Pakar UKM bantu R&D

UNIVERSITI Kebangsaan Malaysia (UKM) baru-baru ini memeterai perjanjian persetujuan (MoA) dengan Dr. Nik & Associates (DNA) dalam usaha memperkasa ilmu menerusi kerja-kerja penyelidikan berasaskan penambakan tanah dan industri.

Menerusi MoA tersebut, DNA bersetuju untuk menaja jawatan Profesor Alam Sekitar Wan Fatimah di **UKM** dengan jumlah sumbangan sebanyak RM728,000 bagi tempoh dua tahun.

Berucap pada majlis tersebut, Naib Canselor UKM, **Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali** berkata, pemeteraian MoA tersebut menunjukkan kepercayaan DNA terhadap kepakaran UKM dalam bidang tersebut.

"Jawatan ini yang akan disandang oleh Prof. Datuk Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah, Pengarah Institut Perubahan Iklim

UKM, bertujuan menggalakkan penyelidikan, pengembangan dan pengajaran dalam bidang kelestarian alam sekitar,"

katanya pada majlis menandatangani MoA tersebut di Bangi baru-baru ini.

Pada majlis itu Noor Azlan mewakili UKM dan DNA diwakili Pengarah Urusannya, **Datuk Ir Dr. Nik Mohd. Kamel Nik Hassan**.

Dalam pada itu menurut Nik Mohd. Kamel, antara projek yang bakal direalisasikan dalam perkongsian kepakaran ini adalah projek penambakan bagi pembesaran Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor.

"Menerusi idea ini bahan korekan (*dredged material*) dari Sg. Pulai akan diguna semula untuk dijadikan sumber bahan tambakan (*fill material*) untuk kerja-kerja penambakan.

"Kawasan seluas satu ekar ini akan dijadikan projek rintis untuk menguji keberkesanan penggunaan kaedah penambakan menggunakan spoil material atau kaedah kitar semula," katanya.

Tambah beliau lagi, kaedah dan teknologi penambakan seperti ini telahpun diamalkan secara meluas di Tianjin, China namun, belum pernah dilakukan di negara ini setakat ini.

Justeru, DNA bersama-sama dengan pasukan penyelidik yang diketuai Sharifah Mastura akan menggembeng tenaga untuk menjayakan penyelidikan tersebut yang dijangka mampu mengurangkan kos keseluruhan penambakan kerana sisa korekan tidak akan dibuang sebaliknya diguna semula.

UKM dan DNA telah menjalin kolaborasi dalam pelbagai projek penyelidikan dan khidmat rundingan, khususnya kepada pemuliharaan alam sekitar pesisir pantai dan kawasan sensitif alam sekitar yang bernilai tinggi.

Hubungan kerjasama tersebut tidak hanya melibatkan projek dalam negara, bahkan juga melibatkan projek berstatus antarabangsa.



**NOOR AZLAN  
GHAZALI**